| Headline | TNB diarah lakukan EIA untuk projek menara talian elektrik | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 14 Oct 2016 | Language | Malay |
| Circulation | 197,202 | Readership | 875,000 |
| Section | Negara | Page No | 3 |
| ArticleSize | 127 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 9,888 | | |
| | | | |


Sekatan cabul hak asasi Orang Asli
Orang Asli berdepan penyakit
TNB diarah lakukan EIA untuk projek menara talian elektrik

# TNB diarah lakukan EIA untuk projek menara talian elektrik

**KUANTAN** – Jabatan Perhutanan Pahang telah mengarahkan pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalankan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk projek pembinaan menara talian penghantaran elektrik TNB di kawasan Hutan Simpan Kekal Lentang di Janda Baik, Bentong.

Pengarahnya, Datuk Mohd. Paiz Kamaruzaman (**gambar**) berkata, arahan itu merupakan salah satu inisiatif tambahan daripada pihak jabatan bagi memastikan kesan projek itu ke atas alam sekitar dan penduduk setempat adalah pada tahap minimum.

"Kerja-kerja penebangan pokok dan pengeluaran kayu bagi projek berkenaan kemudian akan diselaraskan dengan laporan EIA itu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Akhbar *Kosmo!* pada Rabu lalu melaporkan sebahagian penduduk di sekitar Janda Baik, Bentong mendakwa kontraktor projek menara elektrik TNB telah mengganggu kawasan tadahan air ekoran aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Kekal Lentang.

Penduduk itu mendakwa air sungai di kawasan berkenaan menjadi cetek, manakala tanaman dan kolam ternakan ikan yang diusahakan terjejas akibat aktiviti pembalakan sekali gus menjejaskan sumber pendapatan penduduk.




Penduduk dakwa kontraktor projek menara elektrik ganggu kawasan tadahan air

## Hutan Janda Baik dirosakkan

KERATAN *Kosmo!*
12 Oktober 2016.

Powered by: iSENTIA